



MBJB METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA PDRM & JPJ



LAWATAN RASMI MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN KE MBBB



MBJB UNGGUL DI 'GAIA AWARD'



KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU PERINGKAT PBT



QR code (penerbitan rasmi mbbb)

4	▶ - MBBJ LAKSANA OPERASI BANGUNAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN - LAWATAN RASMI PENERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR KE MBBJ
5	▶ - MBBJ TERIMA KUNJUNGAN PENERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN, BELIA & SUKAN NEGERI JOHOR - MBBJ SERAH RASMI BANGUNAN POS POLIS TUN RAZAK
6	▶ MBBJ TERIMA LAWATAN RASMI YB MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
7	▶ - MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERALATAN PELINDUNG DIRI (PPE) - MBBJ ANJUR ACARA LELONGAN
8	▶ INFO LAWATAN
9	▶ INFO KURSUS
10	▶ - MBBJ METERAI 'MOU' BERSAMA PDRM & JPJ - SHAZRIN HAFEEZ , HERO MBBJ TERIMA PENGHARGAAN
11	▶ ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG LAHIR ANGGOTA BERKUALITI
12	▶ LAWATAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KPKT KE MBBJ
13	▶ LAWATAN RASMI MENTERI BESAR JOHOR KE MENARA MBBJ
14	▶ - MBBJ TERIMA ANUGERAH DI 'LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2020' - MBBJ TERIMA 'ANUGERAH GREEN ACCORD INITIATIVE AWARD' (GAIA)
15	▶ MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU COVID-19 PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN
16-17	▶ PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
18	▶ KILAS LENSA
19	▶ MBBJ LAKSANA PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' NORMA BAHARU & 'LITTER PICKING'
20-21	▶ MBBJ SANA SINI
22	▶ LAWATAN MENTERI BESAR JOHOR, MENTERI & TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN KE 'VENUE' SUKMA
23	▶ KHAS JDT!

PENAUUNG

YB Dato' Haji Adib Azhari
Bin Daud
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Abdul Malik Bin Haji
Ismail
(Setiausaha)

Ir. Puan Hajah Nazatul
Shima Binti Mohamad
(Timbalan Setiausaha)

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina Binti Abdul
Malek

SIDANG**PENGARANG/KOLUMNIS**

Encik Muhammad Iqbal Arami
Bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah Binti Yusof
Cik Nurul Shafina Binti Shaari
Puan Norasmah Binti Mohd
Adros

JURU FOTO

Haji Bahri Bin Abdullah
Encik Romzi Bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON	JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626	UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510	UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT ADUAN	07-228 2532	BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
TALIAN ADUAN	07-219 8000	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146	BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055	UNIT INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070	UNIT MESYUARAT	07-219 8022
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289	JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273	JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285	BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8119
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042	BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225	JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233	BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-219 8232	BAHAGIAN JALAN	07-219 8135
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219	JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041



i-Tegur

**SALURKAN ADUAN KEPADA
PBT KAWASAN ANDA
MELALUI APLIKASI *i-Tegur***

**Proses aduan mudah
mengikut kategori**



Kerosakkan Jalan



Rumput



Lampu Isyarat



Parkir



Tandas



Papan Tanda/Iklan



Serangga



Sampah



Pembakaran Terbuka



Longkang

**ADA MASALAH? i-Tegur ADA!
MUAT TURUN SEKARANG**



Untuk maklumat lanjut, sila layari
<http://i-tegur.kpkt.gov.my/>

Jom Serah

'Kenderaan Terbiar dan Lanjut Usia'

Kempen 'Jom Serah Kenderaan Terbiar & Lanjut Usia' merupakan projek perintis di antara 2 agensi (MBJB dan JPJ) yang dijalankan bagi menguarkan kepada masyarakat bahawa MBJB menyediakan perkhidmatan untuk pemilik menyerahkan kenderaan mereka secara sukarela.



☎ 07-219 8000

✉ penguatkuasaan.mbjb@gmail.com

🌐 www.mbjb.gov.my



MBJB LAKSANA OPERASI BANCIAN LESEN PREMI PERNIAGAAN

11-13 Jun 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah melaksanakan Operasi Bancian Lesen Premis Perniagaan selama tiga hari berturut dalam kawasan pentadbirannya.

Bancian ini dilaksanakan meliputi premis pusat membeli-belah, rumah kedai, kilang perindustrian bagi mengenal pasti premis yang masih tidak membuat permohonan lesen perniagaan yang sah dari Pihak Berkuasa Tempatan dilantik, memaksimumkan pegangan lesen berdasarkan rekod pegangan cukai harta (komersil dan perindustrian) dan mendidik peniaga dan pengusaha agar menjalankan perniagaan secara sah.

Bancian telah dilaksanakan oleh seramai 706 anggota dari semua jabatan dan bahagian Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan menggunakan sistem My-EMS dalam merekod data bancian semasa berada di lokasi.


CARTA JUMLAH BANCIAN LESEN PREMI PERNIAGAAN MBJB

JUMLAH BANCIAN 32053

ADA LESEN 12147

TIADA LESEN 3736

PREMIS TUTUP 16170



LAWATAN RASMI YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MBJB Sambut Baik Kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor

28 Jun 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berbesar hati menerima kunjungan daripada YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor ke Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru di Bukit Senyum, Johor Bahru.

Melalui sesi lawatan ini, YB Tuan Haji Ayub telah diberi taklimat oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru mengenai pelaksanaan program dan aktiviti MBJB seperti program digital, laporan kes denggi dalam kawasan pentadbiran MBJB, inisiatif kebun kejiranan serta isu dan cabaran yang dihadapi MBJB terutama dalam tempoh berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan ketika ini. YB Tuan Haji Ayub juga berkesempatan melawat kawasan Sungai Segget dan pusat bandar sebelum mengakhiri sesi lawatan di Balai Polis Sentral Johor Bahru.



MBJB TERIMA KUNJUNGAN YB EXCO PENERUS JAWATANKUASA PELANCONGAN, BELIA DAN SUKAN NEGERI JOHOR

30 Jun 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima kunjungan rasmi daripada YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor ke tapak bersejarah 'Zero Miles' (Kilometer Sifar) dan Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru. Lawatan kerja tersebut telah disambut oleh Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru, berserta ketua jabatan MBBJ. Turut serta dalam sesi lawatan tersebut ialah Pegawai Daerah Johor Bahru, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor, Pengarah *Tourism* Malaysia Wilayah Selatan, Ketua Pegawai Eksekutif *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dan Pengurus *Think City* Johor Bahru.

Kunjungan rasmi tersebut adalah sebahagian daripada program lawatan kerja YB Datuk Onn Hafiz ke sekitar bandar raya Johor Bahru bagi memantau perkembangan aktiviti pelancongan menerusi peranan agensi yang berkaitan di Johor Bahru. Melalui sesi lawatan tersebut, YB Datuk Onn Hafiz juga telah diberikan taklimat ringkas oleh Timbalan Setiausaha MBBJ berkaitan sejarah 'Zero Miles' (Kilometer Sifar) dan Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru, yang merupakan usaha Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk mengumpul, memelihara dan memudahkan pelancong dari dalam dan luar negara mengetahui info dan sejarah bandar raya Johor Bahru.

Delegasi lawatan juga berkesempatan berkunjung ke destinasi pelancongan lain antaranya Muzium Warisan Tiong-Hua Johor Bahru, *Skyscape* Johor Bahru, Masjid Sultan Abu Bakar dan *B5 Johor Street Market*.



MBJB SERAH RASMI BANGUNAN POS POLIS TUN RAZAK, JALAN TUN ABDUL RAZAK (SUSUR 4) KEPADA POLIS DIRAJA MALAYSIA

30 Jun 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menyerahkan secara rasminya bangunan Pos Polis Tun Razak, Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru (Susur 4) kepada Polis Diraja Malaysia dalam sebuah majlis rasmi penyerahan bangunan tersebut.

Pewujudan Pos Polis Komuniti yang siap dibina pada 1 Februari 2020 ini bertujuan memastikan keselamatan kawasan serta lalu lintas khususnya di sekitar Jalan Yahya Awal dan Jalan Susur 4 di pusat bandar Johor Bahru dapat dipantau dengan lebih efektif.

Turut hadir menyempurnakan majlis ini ialah YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru bersama YDH CP Dato' Ayob Khan bin Mydin Pitchay, Ketua Polis Johor.



MBJB TERIMA LAWATAN RASMI YB MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

5 Julai 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima kunjungan rasmi daripada YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena lawatan rasmi ke negeri Johor.

Melalui sesi lawatan ini, Puan Hajah Zuraida Kamaruddin telah diberi taklimat oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru mengenai pelaksanaan Pelan 7 Ikhtiar Makmur Johor oleh MBJB dan inisiatif pembangunan perniagaan pasca COVID-19 selain berkesempatan mengadakan lawatan di sekitar bandar raya Johor Bahru.

Turut berlangsung, Majlis Penyampaian 'Mock' Lesen kepada Wakil Penjaja 'Food Truck' Kawasan Desa Tebrau dan Hotel Central, melalui Persatuan Peniaga di kawasan 'food truck' masing-masing. Penyerahan 'mock' lesen ini dilakukan sempena penambahan lokasi tapak 'food truck' dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.





MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERALATAN PELINDUNG DIRI (PPE) DARI CHANGZHOU MUNICIPAL COUNCIL

20 Julai 2020 – Majlis Penyampaian Sumbangan Peralatan Pelindung Diri (PPE) dari *Changzhou Municipal Council* kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) disaksikan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Datuk Bandar Johor Bahru di Hospital Permai, Johor Bahru.

Seiring usaha berdepan pandemik COVID-19 yang melanda negara, MBJB telah menerima sumbangan sebanyak 10,000 pelitup muka dan 1,000 pakaian PPE daripada pihak *Changzhou Municipal Council*, China dengan kerjasama *Changzhou Juhong Plastic Company*. *Changzhou Municipal Council* turut menyampaikan sumbangan tersebut kepada pihak JKNJ, Hospital Pontian, Hospital Mesra Bukit Padang dan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu, Sabah.

Changzhou Municipal Council merupakan 'Sister Cities' MBJB sejak 8 November 2016. Kerjasama antarabangsa ini diwujudkan bertujuan untuk perkongsian ilmu, pengalaman, sosial dan kebajikan antara kedua-dua.



MBJB ANJUR ACARA LELONGAN BARANG SITAAN

26 Julai 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya menarik seramai 72 orang pembida berdaftar bagi sesi lelongan yang telah diadakan di Stor Penguatkuasaan MBJB, Taman Mount Austin, Johor Bahru. MBJB telah mengambil inisiatif dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 dengan memperkenalkan pendaftaran pembida secara online dan terhad kepada 100 orang sahaja. Semua petugas dan pembida berdaftar perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MBJB. Sebanyak 305 lot barangan telah ditawarkan kepada pembida yang terdiri daripada 81 jenis barang sitaan atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981. MBJB berjaya meraih kutipan berjumlah RM 61,825.00 hasil lelongan pada kali ini.

INFO

LAWATAN



Lawatan Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

Tarikh: 19-20 Julai 2020
Jumlah peserta: 25 orang

Objektif: Lawatan penandaarasan ini bertujuan mengambil contoh spesifikasi dan kaedah paun tahanan haiwan yang diguna pakai oleh pihak DBKL untuk dijadikan rujukan bagi menyiapkan paun tahanan haiwan di Jalan Tahana, Johor Bahru yang turut diusahakan oleh pihak MBJB.



Lawatan dari Pejabat Tanah dan Galian Johor

Tarikh: 29 Julai 2020
Jumlah peserta: 20 orang

Objektif: Mengadakan lawatan ke Pusat Data Menara MBJB.



Lawatan dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

Tarikh: 23 Ogos 2020
Jumlah peserta: 7 orang

Objektif: Membincangkan perkara-perkara berkaitan keberkesanan pelaksanaan *One Stop Centre 2.0* (OSC 2.0) di Pihak Berkuasa Tempatan.



Lawatan dari Majlis Perbandaran Kluang

Tarikh: 2 September 2020
Jumlah peserta: 6 orang

Objektif: Membincangkan hal mengenai permohonan secara dalam talian (online) bagi Modul e-Khidmat Jabatan Pelesenan Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Lawatan dari Majlis Daerah Pontian

Tarikh: 14 September 2020
Jumlah peserta: 3 orang

Objektif: Membincangkan hal mengenai sistem perolehan yang diguna pakai di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Lawatan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan ke Medan Niaga Kg. Melayu

Tarikh: 15 September 2020
Jumlah peserta: 3 orang

Objektif: Melihat keberkesanan (outcome) dan kemajuan projek pembangunan Medan Niaga Kg. Melayu melalui peruntukan yang telah disalurkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Bengkel Pengurusan Strategik MBJB (2021-2025)

**Tarikh: 21 Jun 2020
Jumlah peserta: 25 orang**

- i. Berkongsi pemikiran berkenaan tujuan ke arah mencapai matlamat secara berpasukan di samping mewujudkan komunikasi berkesan antara satu sama lain.
- ii. Berkongsi pandangan dan memberi idea untuk menggubal visi, misi dan objektif strategik bagi Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2021-2025.



Kursus Pelaksanaan Pengurusan Risiko Dan Audit Dalam Ms Iso 9001 : 2015

**Tarikh: 3 - 4 Ogos 2020
Jumlah peserta: 32 orang**

- i. Membantu merancang, melaksana, melapor dan mengambil tindakan susulan untuk proses audit dalaman.
- ii. Mempelajari teknik-teknik pengauditan dan membina kemahiran asas sebagai juruaudit.



Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Bagi Naik Taraf Aplikasi e-PBT

**Tarikh: 23 Jun 2020
Jumlah peserta: 21 orang**

- i. Menerangkan fungsi-fungsi dan ciri-ciri yang mesti dihasilkan terhadap pembangunan sesebuah sistem.
- ii. Menentukan keperluan sistem untuk diintegrasikan dengan sistem yang lain dan penentuan spesifikasi reka bentuk perisian.



Kursus Pengurusan Pejabat

**Tarikh: 12 - 14 Julai 2020
Jumlah peserta: 25 orang**

- i. Meningkatkan kepercayaan antara rakan sekerja dalam menjayakan visi dan misi organisasi.
- ii. Penglibatan dalam kerja berkumpulan akan menjadikan tugas lebih mudah dan lancar.



Kursus Penyelenggaraan dan Peningkatan Taraf Kesihatan Pokok Ameniti dan Pokok Warisan Bandar

**Tarikh: 4 - 5 Ogos 2020
Jumlah peserta: 25 orang**

- i. Memberi pendedahan dan penerangan berkenaan penyelenggaraan landskap pokok-pokok utama serta tatacara mengikut amalan terbaik arborikultur dan mengikut piawaian Jabatan Landskap MBJB.
- ii. Memberikan peserta maklumat mengenai teknik penyelenggaraan pokok secara teori dan praktikal.



Kursus Pengurusan Jenazah (Siri 2)

**Tarikh: 10 Ogos 2020
Jumlah peserta: 70 orang**

- i. Penerangan teori pengurusan jenazah dan prosedur pengurusan kematian dengan pihak hospital.
- ii. Pendedahan latihan praktikal pengurusan jenazah iaitu cara memandikan dan mengafankan jenazah serta sesi soal jawab.



MBJB METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

27 Julai 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Johor di Menara MBBJ Bukit Senyum semalam bagi mewujudkan kerjasama strategik perkongsian pintar sistem tunda kenderaan (My Vehicle Impound Sistem- MyVIS) serta dalam usaha menangani isu lambakan kenderaan buruk dan terbiar di tempat awam dalam bandar raya ini.

Perjanjian persefahaman ini diadakan bertujuan mewujudkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar melalui sistem aplikasi MyVIS kepada Polis DiRaja Malaysia secara masa sebenar. MyVIS merupakan sistem aplikasi yang dibangunkan oleh MBBJ berfungsi untuk mengurus kenderaan orang awam yang dialihkan (ditunda) oleh Jabatan Penguatkuasaan MBBJ, kerana melakukan kesalahan lalu lintas di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981/pindaan 2004. Sistem MyVIS ini digunakan di balai-balai polis sekitar kawasan pentadbiran MBBJ bagi membantu memudahkan pihak PDRM membuat semakan dan pengesahan maklumat kenderaan yang telah ditunda oleh MBBJ.



SHAZRIN HAFEEZ , HERO MBBJ TERIMA PENGHARGAAN

27 Julai 2020 – Shazrin Hafeez Fadzlan, Pembantu Penguatkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima pengiktirafan atas jasanya menahan seorang peragut di Taman Mount Austin, Johor Bahru pada awal September lalu. Beliau yang layak digelar hero bandar raya itu bukan sahaja menerima sijil dan wang tunai berjumlah RM 1,000.00, malah memperoleh tawaran jawatan tetap sebagai Pembantu Kesihatan Awam MBBJ. Memori manis buat beliau apabila sijil penghargaan tersebut telah diserahkan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad semasa lawatan kerja ke Menara MBBJ.

Mengimbas kembali insiden lalu, Shazrin Hafeez telah diangkat sebagai hero MBBJ oleh masyarakat apabila videonya bergelut dengan seorang peragut di Taman Mount Austin tular di media sosial. Rakaman kamera litar tertutup menunjukkan seorang penjenayah menunggang sebuah motosikal dan meragut beg tangan seorang wanita berusia 30 tahun ketika mangsa sedang melintas jalan. Susulan tindakan beraninya, pelbagai reaksi dan komen positif diterima oleh masyarakat, malah beliau mendapat sokongan dan penghargaan daripada masyarakat berbilang kaum di kawasan berdekatannya apabila perniagaan kecil-kecilan yang diusahakannya diserbu oleh ramai pelanggan. Selain itu, beliau turut menerima sumbangan barangan runcit daripada pihak Pasar Raya Hwa Thai, Pandan Johor Bahru.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

PERKHIDMATAN CEMERLANG LAHIR ANGGOTA BERKUALITI

29 Julai 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di Dewan Kenanga Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi meraikan dan menyampaikan anugerah kepada warga kerja MBJB yang telah berkhidmat dengan cemerlang.

Seramai 109 anggota MBJB dari pelbagai jabatan telah menerima APC berdasarkan prestasi cemerlang pada tahun 2019. Sementara itu, seramai 14 anggota MBJB yang telah berkhidmat selama 25 tahun secara tetap dan kontrak dalam organisasi ini turut diberikan Anugerah Khidmat Bakti serta tidak lupa juga kepada sejumlah 24 orang pesara dan bakal pesara yang menerima hadiah persaraan. Encik Muhamad Nazri bin Tongal (Jabatan Penguatkuasaan) terpilih menerima Anugerah Khas Datuk Bandar, manakala Anugerah Pekerja Ikon berjaya dimiliki oleh Encik Assahidin bin Abdul Manap (Jabatan Kesihatan). Kesemua hadiah penghargaan dan sijil telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru diiringi Encik Abdul Malik bin Haji Ismail, Setiausaha MBJB dan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah dan warga kerja yang setia dan berdedikasi dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada organisasi MBJB dan masyarakat.



PENERIMA ANUGERAH DATUK BANDAR
Muhamad Nazri bin Tongal

PENERIMA ANUGERAH IKON
Assahidin bin Abdul Manap



PENERIMA ANUGERAH PERSARAAN
Ir. Haji Sulaiman bin Mohd Taib



MBJB TERIMA LAWATAN YBHG. TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KPKT - PROJEK BANDAR PINTAR (CDS-GPT) MBJB

13 September 2020 – Sekitar lawatan delegasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai oleh YBhg. Datuk Dr Mary Wong Wai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKT ke MBJB. Delegasi hadir bagi mengadakan lawatan tapak Projek Bandar Pintar (CDS-GPT) yang dilaksanakan oleh MBJB.t



LAWATAN RASMI MENTERI BESAR JOHOR KE MENARA MBBJB

6 September 2020 – MBBJ menerima kunjungan YAB Datuk Ir Haji Hasni bin Mohamad, Menteri Besar Johor di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Delegasi lawatan disambut oleh Datuk Bandar Johor Bahru bersama-sama Ahli Majlis dan para pegawai MBBJ.

Turut sama hadir ialah YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi JK Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, YB Tuan Amir bin Nasruddin, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan wakil-wakil delegasi dari kerajaan negeri Johor.

Datuk Bandar Johor Bahru telah memberi penerangan berkaitan profil MBBJ serta pencapaian terkini MBBJ terutamanya dalam usaha memenuhi hasrat Pelan 7 Ikhtiar Makmur Johor yang telah dibentuk oleh kerajaan negeri.



MBJB TERIMA ANUGERAH DI 'LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2020'

19 Ogos 2020 – Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diiktiraf sebagai pemenang kategori 'Best New Green Institutional Building' dalam *Leadership in Sustainability Awards 2020* anjuran *Malaysia Green Building Council* pada 15 Ogos lalu.

Kemenangan ini juga melayakkan Menara MBJB terpilih mewakili Malaysia ke *World Green Building Council Asia Pacific Network Awards 2020* (World GBC APN) bagi kategori *Leadership in Sustainable Design and Performance*.

Program *Iskandar Malaysia Ecolife Challenge*, anjuran MBJB dengan kerjasama IRDA, turut menerima anugerah 'Honourable Mention' bagi kategori *Special Awards on Sustainable Development Goals* dan *Johor Bahru Low Carbon Action Plan 2025* bagi kategori 'Best Green Research'.

Penganugerahan ini bertujuan mengiktiraf organisasi yang mengamalkan amalan hijau dan 'Green Building Index' serta menerapkan elemen 'Low Carbon Society' dalam setiap program dan perancangan pembangunan.



TAHNIAH! MBJB TERIMA ANUGERAH 'GREEN ACCORD INITIATIVE AWARD' (GAIA)

8 September 2020 – Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diberi pengiktirafan sekali lagi apabila menjadi pemenang kategori 'Bangunan Individu' dalam *Green Accord Initiative Awards* (GAIA) anjuran *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dengan kerjasama kerajaan negeri Johor.

Pengiktirafan ini menjadikan Menara MBJB sebagai bangunan kerajaan pertama yang memenangi anugerah ini. Bangunan MBJB di Jalan Dato' Onn, Johor Bahru dan Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru juga turut menerima pengiktirafan GAIA dalam kategori yang tersedia dan berjaya mara ke peringkat akhir anugerah GAIA.

MBJB akan menjadikan penerimaan anugerah ini sebagai pemangkin dan pendorong untuk menjayakan lebih banyak inisiatif-inisiatif hijau terutamanya yang terkandung dalam Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon MBJB 2025.

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU COVID-19 PERINGKAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

18 September 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor bertempat di Menara MJB, Bukit Senyum, Johor Bahru. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penganjuran majlis ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperkasa komuniti untuk melindungi diri, keluarga dan komuniti masing-masing dalam usaha memerangi wabak COVID-19 di samping pembudayaan norma baharu susulan penularan wabak tersebut.

YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan telah menyampaikan kit Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 kepada pihak PBT sebagai simbolik peranan penting yang perlu dilaksanakan oleh PBT dalam usaha membantu mengekang penularan wabak COVID-19. Turut menerima kit tersebut ialah MJB, MBIP, MP Kulai, MP Pasir Gudang, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan SWCorp.





Program Kembali ke Sekolah Zon Tampoi di Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Kobena
Tarikh: 10 Julai 2020



Program Prihatin Masyarakat Zon Teluk Danga di Dewan Raya Jalan Rawa, Taman Perling
Tarikh: 5 Julai 2020



Gotong-Royong Zon Bandar Baru Uda di Pangsapuri Ledang, Jalan Padi Mahsuri
Tarikh: 11 Julai 2020

PROGRAM ZON AHLI



Majlis Kesyukuran Zon Penjaja di Food Truck Sentral, Hotel Sentral
Tarikh: 14 Julai 2020



Program Kelestarian Denggi, Sampah dan Pencemaran Zon Kempas di Taman Bukit Kempas
Tarikh: 29 Ogos 2020



Kempen Jom Cegah COVID-19 Zon Pelangi Indah di Taman Mount Austin
Tarikh: 20 Julai 2020



Program Penyerahan Jalur Gemilang Zon Kg. Melayu di Balai Raya Kg. Melayu
Tarikh: 26 Ogos 2020



Program Komuniti Zon Teluk Danga di Sekolah Kebangsaan Teluk Danga
Tarikh: 20 September 2020



Program Komuniti Kebajikan Zon Mount Austin di Rumah Pangsa Mount Austin
Tarikh: 16 September 2020



Pelancaran Konvoi Hari Malaysia Zon Bakar Batu di Projek Perumahan Rakyat Hajah Hasnah
Tarikh: 15 September 2020

MAJLIS & LAZI



Program Ambang Merdeka Zon Bandar di Bazar JB
Tarikh: 30 Ogos 2020



Transformasi Minda Pendidikan Pencegahan Dadah Zon Bandar Baru Uda di Dewan Tan Sri Mohamed Rahmat
Tarikh: 12 September 2020



Kembara Merdeka Zon Bandar di Kg. Tarom
Tarikh: 5 September 2020



Program Bersama Komuniti Zon Kg. Melayu di Dewan Stulang Baru
Tarikh: 5 September 2020

KILAS



Sumbangan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) oleh Persatuan Doktor-Doktor Johor

19 Julai 2020 - Datuk Bandar Johor Bahru berbesar hati menerima sumbangan kelengkapan perlindungan diri (PPE) oleh Persatuan Doktor-Doktor Johor dalam usaha memerangi wabak COVID-19 di bandar raya Johor Bahru. Sumbangan itu telah disampaikan oleh Dr. Ng Kim Fong, Presiden Persatuan Doktor-Doktor Johor bertempat di Menara MBBJ Bukit Senyum, Johor Bahru.



YAM Che' Puan Khaleeda Berangkat Menjayakan Program Menanam Pokok di Hutan Bandar, MBBJ

24 Julai 2020 - YAM Che' Puan Khaleeda binti Bustamam berangkat menjayakan program menanam pokok yang telah diadakan di Hutan Bandar, Johor Bahru. Program berkenaan diadakan bersempena sambutan hari ulang tahun kelahiran YAM Che' Puan Khaleeda pada 16 Julai 2020 yang lalu. Allah Berkati Johor.



Taklimat Banci Penduduk kepada Pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru

9 September 2020 - Sebuah sesi taklimat berkenaan pelaksanaan bancian penduduk telah diadakan bersama barisan pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai usaha menyokong pelaksanaan banci yang diusahakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 ini diadakan 10 tahun sekali dan dijalankan di semua kawasan perumahan dan kediaman di seluruh Malaysia pada tahun ini. Pelaksanaannya merujuk peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969).



'Team MBBJ' Menang Acara Menembak Jatuh Piring antara Jabatan

26 September 2020 - 'Team MBBJ' memenangi Acara Menembak Jatuh Piring antara Jabatan anjuran Rejimen 501 Askar Wataniah bersempena Latihan Kem Tahunan Rejimen 501 Askar Wataniah di Lapang Sasar Menembak, Kem Ulu Tiram, Johor Bahru. 'Team MBBJ' yang diwakili oleh Mohd Yazid Ali, Mohd Arshad Johari, Muhamad Amir Hassan dan Mohd Ezwad Ismail dari Bahagian Keselamatan MBBJ telah memenangi tempat pertama dalam kategori acara jemputan yang turut disertai oleh agensi kerajaan yang lain. Tahniah diucapkan.

MBJB LAKSANA PROGRAM 'SEARCH AND DESTROY' (SND) NORMA BAHARU & 'LITTER PICKING'

Basmi tempat pembiakan Aedes di sekitar bandar raya Johor Bahru

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) meneruskan aktiviti 'Search & Destroy' (SND) Norma Baharu dan 'Litter Picking' bagi mencegah tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar bandar raya Johor Bahru termasuk di 23 zon Ahli Majlis MBJB.

Usaha mencari dan memusnahkan habitat Aedes pembawa virus yang boleh menyebabkan demam denggi ini merupakan tanggungjawab bersama masyarakat. Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit pada setiap hujung minggu untuk melaksanakan aktiviti 'search & destroy' di kediaman masing-masing.





Taklimat Banci Penduduk 2020
Tarikh: 4 Ogos 2020



**Pemeriksaan Kesihatan Anggota Majlis
Bandaraya Johor Bahru**
Tarikh: 6 – 7 Julai 2020



**Majlis Penghargaan 'Frontliner'
CUEPACS Malaysia**
Tarikh: 10 Ogos 2020

**← MB
SANA**



**Program Derma Darah Anggota Majlis
Bandaraya Johor Bahru**
Tarikh: 10 Ogos 2020



**Pemasangan Bendera Malaysia dan Bendera Negeri
Johor oleh Anggota Unit Tindakan Cepat (UTC)**
Tarikh: 11 Ogos 2020



Malaysia Productivity Corporation (MPC) Team
Excellence Showcase
Tarikh: 23 September 2020



Taklimat Pelaksanaan Sudut Ekosistem Kondusif
Sektor Awam (EKSA) Digital
Tarikh: 21 September 2020

JB →
SINI



Program Pembudayaan Al-Quran Anggota
Majlis Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 17 September 2020



Lawatan daripada Pengerusi Jawatankuasa
Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke
Pangsapuri Seri Orkid, Taman Desa Cemerlang
Tarikh: 16 Ogos 2020



Latihan Menembak oleh 'Team' Pengurusan
MBJB di Ladang Rem. Kota Tinggi
Tarikh: 12 September 2020

SEKITAR LAWATAN MENTERI BESAR JOHOR, MENTERI & TIMBALAN MENTERI BELIA & SUKAN KE 'VENUE' SUKMA

YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru merangkap Pengerusi Jawatankuasa Persiapan Tempat, Hiasan dan 'Venue' SUKMA XX JOHOR 2020 turut serta dalam lawatan rasmi bersama YAB Menteri Besar Johor, YAB Menteri Belia & Sukan Malaysia dan YAB Timbalan Menteri Belia & Sukan Malaysia melihat persiapan 'venue' atau lokasi terpilih sempena penganjuran SUKMA XX dan PARA SUKMA XX Johor 2020.



Lawatan oleh YAB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan
Tarikh: 7 Julai 2020



Lawatan oleh YAB Datuk Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor ke Kompleks Sukan Johor
Tarikh: 12 Julai 2020



Lawatan oleh YB Senator Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Belia dan Sukan
Tarikh: 21 Julai 2020

KHAS JDT!




JDT UNGGUL DI LIGA SUPER 2020

Teguh Rangkul Kejuaraan Liga Buat Kali Ketujuh

4 Oktober 2020 - Johor Darul Ta'zim (JDT) terus gemilang menjadi juara Liga Super buat kali ketujuh berturut-turut di Stadium Sultan Ibrahim, Iskandar Puteri selepas menewaskan Sabah dengan mata 4-1. Kejayaan demi kejayaan yang dipamer oleh pasukan JDT menunjukkan kebolehan pasukan ini untuk bersaing dengan pasukan bertaraf antarabangsa. JDT malah fokus dalam usaha mengekalkan kejuaraan di Piala Malaysia. JDT sebelum ini telah melakar sejarah sebagai kelab Asia Tenggara yang pertama muncul juara Piala AFC pada tahun 2015. Tahniah JDT!

TRIVIA KEJUARAAN JDT!

- : Juara Liga Super 2014, 2015, 2016, 2017, 2018, 2019 & 2020
- : Juara Piala AFC 2015
- : Juara Piala Sumbangsih 2015 & 2016



JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBBJ, PEJABAT JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT (PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 3.00 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

HARI	JAM
AHAD – KHAMIS	8.00 PAGI – 9.00 MALAM
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
WAKTU REHAT	12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)
KELEPASAN AM	TUTUP



WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR (Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS	
AHAD - RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM	
MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS	
DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM	

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

Talian Am: 07 - 219 8000 Faks: 07 - 223 0619
Talian Bebas Tol: 1 - 300 - 88 - 0146
Whatsapp Aduan: 019 - 778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my
Laman Sispaa: mbjb.spab.gov.my
E-mel: info@mbjb.gov.my

